

# Pelan dibentangkan kepada PM

BH - 2/3/2019 m/s: 14

[FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI /BH]

➔ Kerajaan berpuas hati, sedia teruskan usaha:  
Dr Hasnita

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur



**Dr Hasnita beramah mesra dengan wakil media** yang turut dihadiri Khaidir (kanan) dan Ahmad Zaini pada Majlis Ramah Mesra Pengerusi MARA Bersama Media di Kuala Lumpur, semalam.

**M**ARA sudah membentangkan pelan rangka strategi utama yang bertujuan membawa kembali agensi itu ke matlamat asal penubuhannya kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusinya, Dr Hasnita Hashim, berkata kerajaan berpuas hati dengan rangka strategi itu dan pihaknya kini akan meneruskan usaha menjayakannya dengan melihat kembali mandat asal agensi itu ketika penubuhannya.

Katanya, bagi membawa kembali agensi itu kepada matlamat asal penubuhannya, MARA perlu memiliki rangka kerja yang berkesan, kawalan dalaman, pentadbiran terbaik dan pengurusan dana yang cekap serta telus.

“Sejak akhir-akhir ini kita dapati MARA sudah kehilangan (menyimpang daripada) matlamat asal kewujudannya apabila kita meneroka pasaran yang bukan dalam kepakaran, kurang daya saing dan buat kesilapan.

“Maka kita perlu baiki kesilapan itu dan bawa MARA kembali kepada matlamat asal penubuhannya dan menggunakan asas itu untuk ke peringkat lebih tinggi, ...untuk terus menjadi pemangkin mengubah ekonomi sosial.

“Maka untuk mencapainya adalah menerusi pendidikan dan keusahawanan. kerana itu MARA turut memfokuskan keterangkuman kemiskinan bandar dan luar bandar selain memastikan dana diterima dari-

pada kerajaan disalurkan bagi mengandakan limpahan ekonomi,” katanya di sini.

Beliau ditemui sempena Majlis Ramah Mesra Pengerusi MARA Bersama Media dan sesi perkongsian hala tuju MARA pada masa depan.

Yang turut hadir, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Khaidir A Majid dan Pengarang Eksekutif Projek Khas BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman.

Mengulas lanjut, Dr Hasnita, berkata untuk mencapai matlamat itu, MARA bersedia mengambil keputusan sukar termasuk dengan menutup syarikat pelaburannya yang merugikan dan tidak berdaya maju.

Katanya, bagi tujuan itu, pi-

haknya kini sedang melaksanakan kajian daya maju terhadap setiap syarikat pelaburannya bagi menilai semula rasional di sebalik pelaburan MARA.

“Kita memang ada beberapa pelaburan yang berjaya tapi melihat apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini kami dapati pelaburan bukan bidang kepakaran MARA, maka kami perlu membuat keputusan sukar terhadap isu ini.

“Kita sudah lakukan kajian daya maju dan mengetahui bagaimana untuk keluar daripada pelaburan terbabit, syarikat mana dan nilainya akan kami maklumkan selepas selesai kajian dalam tempoh dua hingga tiga bulan,” katanya.